

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Format surat permohonan kerja

Calon perlu tahu cara dan format menulis surat yang betul apabila memohon pekerjaan. Lazimnya, surat harus ditulis dalam bahasa Inggeris khususnya kepada organisasi swasta. Surat permohonan dianggap pandangan pertama bakal majikan terhadap calon sebelum dipanggil untuk sesi temu duga.

Oleh itu, cara menulis surat permohonan amat penting kerana boleh mempengaruhi bakal majikan. Kandungan surat itu perlu ringkas dan padat serta meyakinkan majikan mengenai kebolehan calon.

Menurut Gerson dan Gerson (2009) surat permohonan mengandungi komponen penting meliputi nama dan alamat calon, tarikh, alamat penerima, panggilan hormat, kandungan surat serta ditandatangani.

Mulakan penulisan dengan menaip alamat surat-menyu-

rat dan nombor telefon calon pada kepala surat beserta tarikh terkini. Langkah seterusnya ialah menulis alamat bakal majikan yang mengiklankan pekerjaan itu.

Biasakan penggunaan panggilan hormat seperti Tuan/Puan/Dato'/Datin sebagai tanda hormat calon kepada penerima surat. Dalam bahagian perkara surat nyatakan dengan tepat jawatan yang dipohon. Pada perenggan pertama nyatakan daripada sumber mana calon mendapat maklumat pekerjaan itu.

Pada perenggan berikut nyatakan secara ringkas mengenai diri calon merangkumi kelulusan akademik, kemahiran yang diperolehi, pengalaman kerja jika ada dan ciri kepemimpinan yang dimiliki bertujuan menonjolkan pencapaian, kelebihan dan kebolehan calon.

Maklumat di atas akan memudahkan pihak bakal majikan mengetahui dan memahami secara ringkas siapa diri calon sebelum

mereka meneliti resume yang disertakan. Nyatakan juga mengenai resume dan sijil-sijil calon yang dilampirkan bersama-sama.

Bahagian penutup surat harus ditulis secara ringkas dengan menyatakan bahawa calon bersedia pada bila-bila masa jika dipanggil untuk sesi temu duga serta diakhiri ucapan terima kasih.

Pastikan surat itu dalam keadaan kemas, bersih, bertaip serta mudah dibaca dengan menggunakan huruf bersaiz 12.

Calon sewajarnya menggunakan ayat yang menonjolkan kelebihan yang dimiliki secara jujur. Selepas menghantar surat itu harus dibuat susulan dengan menghubungi pihak organisasi berkenaan beberapa hari kemudian bagi mengetahui status permohonan calon.

Di sebelah ialah contoh surat permohonan kerja. Walaupun dalam bahasa Melayu, boleh dijadikan panduan untuk calon menulis dalam bahasa Inggeris.

Contoh surat permohonan kerja

Kamarul Nizam Muhamad
No. 11, Jalan Kenari 11/11
71800 Nilai
Negeri Sembilan
Tel: 012-2233445

2 Julai 2013
Puan Samsiah Ismail
Pengurus Sumber Manusia
Mega Jaya Sdn. Bhd
20, Jalan SS 20
47000 Subang Jaya
Selangor

Puan,

Permohonan Bagi Jawatan Kaunselor

Pada 1 Julai 2013, saya telah membaca iklan pekerjaan syarikat puan dalam BH mengenai jawatan di atas. Keperluan dan ciri calon yang diperlukan oleh jawatan tersebut dilihat menepati kelayakan dan minat saya. Sehubungan dengan itu, saya berminat untuk memohon jawatan tersebut.

Saya telah menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2012.

Untuk makluman pihak puan, pada awal tahun 2012 saya berpeluang mengikuti latihan industri di sebuah agensi kerajaan membabitkan tugas-tugas kaunselor di Kuala Lumpur selama satu semester. Latihan tersebut telah memberi pendedahan praktikal kepada saya tentang bidang tugas kaunselor.

Ketika pengajian di universiti saya terlibat secara aktif dalam kegiatan berpersatuan dan jawatan terakhir ialah Presiden Persatuan Mahasiswa Kaunseling USIM. Saya juga terlibat dalam aktiviti sukan dengan mewakili pasukan bola sepak Universiti pada tahun 2010.

Bersama-sama ini disertakan resume serta salinan sijil-sijil untuk pertimbangan pihak puan. Saya bersedia untuk menghadiri temu duga pada bila-bila masa seperti yang ditetapkan oleh pihak puan. Segala perhatian daripada pihak puan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Kamarul Nizam

Kamarul Nizam Muhamad